



Berita MAKPEM

BILANGAN 02/2007

JULAI - SEPTEMBER

EDARAN AHLI GABUNGAN SAHAJA



Perhimpunan Agung Tahunan Ke - 29

Perhimpunan Agung Tahunan Ke - 29 MAKPEM telah diadakan di Allison Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan pada 8 September, 2007 dan ianya telah dirasmikan oleh YB. Dato' Haji Lilah bin Haji Yassin, Yang Di Pertua, Dewan Undangan Negeri Sembilan. Dalam ucapan perasmianya, beliau memuji MAKPEM kerana telah berjaya mengadakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun lalu bagi memenuhi perannya sebagai sebuah badan induk kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan di negara ini. Terdahulu dari itu, dalam ucapan alu-aluannya, Presiden MAKPEM, YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Norhayati binti Omar, Yang Di Pertua, Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan kerana sudi menjadi tuan rumah Perhimpunan Agung Tahunan Ke - 29 ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang sudi meraikan para perwakilan ke Majlis Jamuan Makan Malam pada 7 September, 2007.



Rahmat Ramadan

Sebagai sokongan kepada Program Rahmat Ramadan anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pihak MAKPEM turut serta dengan membuka sebuah gerai untuk menyediakan makanan dan berbagai juaah kepada kaum muslimin dan muslimat pada petang 29 September, 2007 bersamaan 17 Ramadan 1428. Turut bersama-sama dengan MAKPEM ialah Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang, Rumah Amal Cheshire Selangor, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia, Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia dan Persatuan Pure Life.



Kunjung Hormat Presiden dan Pegawai-Pegawai MAKPEM Kepada YAB. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Menteri Besar Selangor Pada 26.9.2007

MAKPEM berasa sangat bangga dan bertuah kerana dapat mengadakan Kunjung Hormat Kepada YAB. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Menteri Besar Selangor di pejabatnya pada 26 September, 2007. Delegasi MAKPEM ini telah ketuai oleh YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Presiden MAKPEM. Dalam kesempatan yang singkat ini Dato' Halim telah berjaya memperkenalkan MAKPEM sebagai badan induk pertubuhan sukarela kebajikan peringkat kebangsaan serta peranan dan program yang telah berjaya dijalankan bagi kepentingan ahli dan masyarakat yang kurang bemaslahat. YAB. Menteri Besar mengucapkan terima kasih kepada MAKPEM terhadap kunjungan tersebut serta melahirkan penghargaan di atas khidmat yang telah disampaikan kepada golongan sasar. Beliau juga mencadangkan agar pihak NGO dapat mengadakan satu perkhidmatan yang komprehensif terhadap remaja-remaja yang lari dari rumah seperti memberi perlindungan, bimbingan dan kaunseling kepada mereka.



Seminar 'Care-Givers' di Johor Bahru, Johor Darul Takzim

MAKPEM dengan kerjasama Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah berjaya menganjurkan satu Seminar bertajuk 'Care-Givers' (Pemberi Khidmat) di Hotel Selesa, Johor Bahru, Johor pada 29 Ogos, 2007. Ianya telah dirasmikan oleh YAD. Datin Paduka Prof. Hajah Jamilah Ariffin, isteri YAB. Menteri Besar Johor. Seramai 200 orang peserta telah hadir pada Seminar tersebut.

Laporan Bahagian Latihan MAKPEM

Dalam tempoh tiga bulan mulai Julai hingga September 2007 MAKPEM telah menjalankan 9 kursus bagi 250 orang peserta di bawah peruntukkan khas Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia dan satu kursus franchise iaitu Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak bagi 33 orang peserta. Maklumat dan perangkaan terperinci tentang kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut :-

Bil.	Jenis Kursus	Tarikh Kursus	Bil. Peserta
1.	Kursus Asas Pengurusan Kanak-Kanak Istimewa	Julai 9 – 13	39
2.	Kursus Peningkatan Kapasiti Pertubuhan Bukan Kerajaan	Julai 16 – 20	15
3.	Kursus Asas Kerja Sosial – Peringkat IV	Julai 23 – 27	16
4.	Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pertubuhan Kebajikan Sukarela	Ogos 13 – 17	25
5.	Kursus Intervensi Awal Kanak-Kanak Kurang Upaya	Ogos 20 – 24	37
6.	Kursus Pentadbiran dan Kewangan	Sept 3 – 7	18
7.	Kursus Jagaan dan Pendidikan Kanak-Kanak Cacat Akal	Sept 10 – 14	29
8.	Kursus Asas Pengurusan Kanak-Kanak Istimewa	Sept 17 – 21	28
9.	Kursus Kebajikan dan Penjagaan Warga Tua * (Telah diadakan di Kuching, Sarawak)	Sept 17 – 21	43
Jumlah			250

Bil.	Kursus Franchise Yang Diktiraf Oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia	Tarikh Kursus	Bil. Peserta
10.	Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK)	Ogos 6 – 25	33
Jumlah Besar			283

Di bawah program latihan anjuran bersama MAKPEM dan Open University Malaysia (OUM) seramai 33 orang peserta telah menyertai latihan modul-modul yang berikut :-

Bil.	Modul	Tarikh Kursus
1.	Pembangunan Diri Insan	Julai 2 – 6
2.	Pengurusan Perubahan	Ogos 6 – 10
3.	Peralihan Dalam Penjenamaan Organisasi Komuniti	September 3 – 7

Pada 20 September, 2007 seramai 38 orang peserta Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) telah menduduki satu Ujian Bertulis di Institut Latihan MAKPEM. Ujian ini telah dikelola dan dikendalikan oleh Ibu Pejabat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sebagai satu komponen yang penting dalam Kursus Bertauliah Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK).

Kursus Kebajikan dan Penjagaan Warga Tua di Kuching, Sarawak

Pihak MAKPEM dengan kerjasama Majlis Kebajikan Sosial Sarawak telah berjaya menganjurkan satu Kursus Kebajikan dan Penjagaan Warga Tua di Kuching, Sarawak pada 17 – 21 September, 2007. Seramai 43 orang peserta telah menghadirinya. Sebagai latihan amali para peserta telah membuat lawatan ke Rumah Seri Kenangan Kuching.



Lain-lain Berita

Lawatan Ke 'Indonesian National Council on Social Welfare' Jakarta Pada 28 – 31 Oktober, 2007

MAKPEM akan mengadakan satu lawatan sambil belajar ke Indonesian National Council on Social Welfare' Jakarta Pada 28 – 31 Oktober, 2007. Acara lawatan ini meliputi perbincangan di antara delegasi MAKPEM dengan 'Indonesian National Council on Social Welfare' berhubung dengan isu sosial semasa, lawatan ke Pos Pemberdayaan Keluarga (POSDAYA), Yayasan Pembinaan Anak Cacat (YPAC), dan Yayasan Sayap Ibu (YSI). Surat pekeliling mengenai lawatan ini telah dihantar kepada ahli-ahli pertubuhan gabungan pada 13 September, 2007 dan sehingga ini sambutan sangat menggalakkan.

Rancangan Pembangunan

Sebuah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) sedang dibangunkan oleh MAKPEM dan ianya di jangka siap pada pertengahan bulan Oktober, 2007. Taska MAKPEM ini akan memberi khidmat kepada kanak-kanak di sekitar Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur dan juga akan digunakan sebagai latihan amali kepada para peserta Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak.



Pengambilan Bagi Sesi II (Januari – Jun 2008) Kursus Bersijil 'Professional Care-Givers' (Anjuran Bersama MAKPEM – OUM)

Surat pekeliling kepada ahli-ahli pertubuhan gabungan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah, Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela Kebajikan, Pusat-Pusat Pemulihan Dalam Komuniti serta Rumah-Rumah Amal telah dihantar oleh MAKPEM bagi pengambilan calon-calon yang layak untuk menyertai kursus tersebut bagi Sesi II yang akan bermula pada bulan Januari hingga Jun 2008. Borang-borang permohonan yang lengkap hendaklah sampai kepada MAKPEM pada atau sebelum 10 November, 2007.



Ketua Pengarang :

Tuan Haji Hitam bin Chik

Sidang Pengarang :

Enck R. S. Vengadeson
Puan Rahimah binti Haji Mohd Shariff
Puan Zainun binti Haji Tun
Puan Rozlina binti Roslan

Penerbitan :

Majlis Kebajikan dan
Pembangunan Masyarakat
Kebangsaan Malaysia
(MAKPEM)

No. 17, Jalan 148A,
Bandar Baru Sentul,
51000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-40447640/41
Fax : 03-40447705
E-mail : ncswm@po.jaring.my
Laman Web : ncwrdm.org.my